



MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU
09800 SERDANG, KEDAH DARUL AMAN.
Tel: 04-4077264 Fax: 04-4078873

NOTIS PEMBERITAHUAN

NOTIS PERPINDAHAN SEMENTARA TAPAK PASAR MALAM

SEMPENA PROGRAM PESTA BUAH-BUAHAN DAN HARI BERTEMU

PELANGGAN DI DATARAN BANDAR BAHARU

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa sempena program *Pesta Buah-Buahan Dan Hari Bertemu Pelanggan* pada 16 – 25 JULAI 2022, tapak Pasar Malam Bandar Baharu akan berpindah ke tapak bersebelahan (sementara) di Jalan Masjid pada **20 JULAI 2022 (RABU)**. Kedudukan petak berniaga adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat. Tuan / Puan juga hanya dibenarkan masuk dan meletak peralatan di tapak sementara tersebut **BERMULA JAM 3.00 PETANG PADA HARI PASAR MALAM** berlangsung. Jika tuan / puan gagal mematuhi syarat yang ditetapkan, pihak Majlis akan menjalankan tindakan **PENGUATKUASAAN**. Segala urusan perpindahan ini akan dikawal selia oleh pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Bandar Baharu.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amat diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih. Harap Maklum.

Dengan Perintah,

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bandar Baharu